

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

PHARMANIAGA DILANTIK PENGEDAR TUNGGAL BARAKA DI MALAYSIA

SHAH ALAM, 11 April 2021: Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) dengan rasa bangga mengumumkan anak syarikatnya, Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd (PLSB) telah dilantik secara rasmi oleh Pharco Pharmaceuticals dari Mesir sebagai pengedar tunggal suplemen kesihatan Baraka di Malaysia baru-baru ini. Dengan pelantikan ini, Baraka yang dirumus dengan minyak Habbatus Sauda berkualiti tinggi dan tulen masih boleh diperolehi pengguna di seluruh negara.

Selama beribu-ribu tahun, Habbatus Sauda dipercayai dapat meningkatkan kualiti kesihatan secara menyeluruh. Kini, penyelidikan saintifik moden telah menguji keselamatan dan kegunaannya dalam penjagaan kesihatan umum.

Berasal dari Mesir, Baraka diperbuat daripada 100% minyak Habbatus Sauda berkualiti tinggi, semula jadi, Halal dan selamat untuk dimakan. Proses pembuatannya merangkumi pengambilan minyak Habbatus Sauda melalui teknik *cold-press* untuk mengekalkan khasiat dan sifat antioksidannya. Ia boleh didapati dalam bentuk kapsul gel lembut dan pek lepuh (*blister pack*) yang mudah untuk dimakan dan di bawa ke mana-mana.

Dengan pelantikan ini, PLSB telah melantik Pristine Pharma Sdn Bhd (anak syarikat Pharmaniaga) sebagai pengedar tunggal Baraka dan turut melancarkan kempen “**Habbatus Sauda, Baraka Sepanjang Zaman**” di seluruh negara untuk mempromosikan Baraka dan manfaat kesihatannya kepada pengguna. “**Sepanjang Zaman**” merupakan sebahagian daripada slogan kempen memandangkan penggunaan Habbatus Sauda untuk meningkatkan kualiti kesihatan secara menyeluruh sudah diketahui sejak dari dahulu lagi di Mesir, negara-negara benua Asia dan lain-lain.

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

Adalah sangat penting untuk kita semua mengekalkan kesihatan pada tahap yang optimum dan suplemen kesihatan seperti Baraka dapat membantu dalam memberi faedah kepada kesihatan dan kesejahteraan kita. Kandungan bahan-bahannya sudah dikenali sejak ribuan tahun lagi tentang keberkesanannya.

Minyak Habbatus Sauda oleh Baraka didatangkan dalam bentuk kapsul gel lembut dan dihasilkan mengikut piawaian antarabangsa dengan memberi jaminan kepada pengguna bahawa ianya selamat dan Halal.

Baraka kini boleh didapati di RoyalePharma cawangan Bangi, farmasi-farmasi terpilih dan kedai ubat tradisional.

Follow dan Like Facebook dan Instagram Baraka My Official untuk maklumat yang lebih lanjut.

-TAMAT-

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti.

Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Bersandarkan pada moto **Passion For Patients**, Pharmaniaga meletakkan kepentingan pelanggan sebagai keutamaan dalam setiap gerak kerja dengan memastikan setiap produk dihasilkan adalah selamat dan berkualiti tinggi, serta disokong oleh perkhidmatan yang cemerlang.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com

KKLIU 0940/2021

Tarikh tamat iklan: 31/12/2023